

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Muhammad Bakhtiar Bin Wan Chik [Balik Pulau] Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan kerajaan untuk mengurangkan kesesakan trafik di Lembah Klang memandangkan penduduk menghabiskan masa sekurang-kurangnya 44 jam sebulan semata-mata dalam kesesakan trafik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang sedia maklum, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesesakan Jalan Raya yang bertujuan untuk merangka strategi/ inisiatif bagi mengurangkan kesesakan jalan raya khususnya di Lembah Klang yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri 1.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu fokus utama yang dibincangkan di dalam jawatankuasa ini adalah untuk memperkasakan perkhidmatan pengangkutan awam darat terutama di sekitar Lembah Klang dengan melibatkan beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).
3. Salah satu inisiatif yang sedang diperhalusi adalah penambahan laluan khas bas di jajaran laluan masuk ke pusat bandar yang memerlukan kerjasama beberapa PBT untuk menyediakan perkhidmatan *Park n Ride* di kawasan jajahan PBT berkenaan. Ia bertujuan untuk menghadkan kemasukan kenderaan persendirian ke pusat bandar dengan cara beralih kepada mod pengangkutan awam.
4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi fasa pertama, DBKL telah berjaya melaksanakan laluan khas bas di Koridor Jalan Ampang (Ampang Point ke Jalan Tun Razak) bermula 3 Julai 2023. Tinjauan sepanjang 2 bulan (Julai – Ogos) beroperasi, MOT mendapati bahawa berlaku peningkatan jumlah penumpang bas iaitu purata dari 13 ribu penumpang sehari kepada 14 ribu penumpang sehari, penambahan kekerapan bas dengan purata dari setiap 22 minit kepada setiap 9 minit dan pengurangan tempoh masa perjalanan dari point A ke point B dengan purata dari 67 minit kepada 49 minit. Jawatankuasa Kabinet telah mengambil ketetapan untuk memperluaskan lorong bas di Jalan Ampang

dan melaksanakan tiga lagi laluan khas bas di Jalan Cheras-Loke Yew, Jalan Kuching dan Jalan Genting Klang.

4. Cadangan ini turut disokong oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan menyediakan dan menambahbaik infrastruktur awam seperti hentian bas, laluan pejalan kaki dan kemudahan mobiliti. Selaras dengan keputusan Jawatankuasa Kabinet Keselamatan dan Kesesakan Jalan Raya pada 12 Oktober 2023, sebanyak 356 hentian bas di Lembah Klang akan dinaiktaraf secara berperingkat dan pembinaan laluan pejalan kaki baharu di 36 lokasi telah dikenalpasti untuk menambahbaik pengalaman penggunaan pengangkutan awam.
5. Selain itu, usaha juga sedang dilaksanakan oleh Rapid Bus Sdn Bhd untuk menambah bilangan bas dalam perkhidmatan. Pada Julai 2023, Prasarana telah mengeluarkan Request for Proposal untuk 310 bas diesel dan juga cadangan untuk outsource laluan bas tertentu.
6. Bagi pengangkutan rel, pihak Prasarana Malaysia Berhad telah melaksanakan beberapa usaha untuk meningkatkan kekerapan perkhidmatan. Tiga tren empat gerabak telah memulakan operasi di Laluan LRT Kelana Jaya pada bulan September 2023 dan baki 16 tren lagi akan diterima secara berperingkat sehingga Disember 2024. Susulan ini, kekerapan Laluan LRT Kelana Jaya pada waktu puncak telah bertambahbaik dari 4.4 minit pada Disember 2022 kepada 3.8 minit pada September 2023 dan dijangka mencapai kekerapan 3 minit menjelang penghujung Oktober 2023. Bagi laluan MRT Kajang, penggantian roda tren sedang dilaksanakan dan kekerapan tren pada waktu puncak disasarkan bertambahbaik dari 6 minit kepada 4 minit pada penghujung Januari 2024.
7. Selain strategi pengangkutan awam, *Tidal Flow* juga telah atau bakal dilaksanakan di beberapa laluan di Lembah Klang untuk melancarkan pergerakan kenderaan pada waktu puncak. Antaranya termasuk Jalan Maharajalela ke Taman Connaught dan Lebuhraya Sungai Besi.

Sekian, terima kasih.